

# UMS, PPK Kudat kerjasama jayakan Program Perkongsian Pintar Pendidikan Retreat

NST 13.2.2014 9

KUDAT: Kerjasama baik antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kudat membolehkan Program Perkongsian Pintar Pendidikan Retreat di Kampung Sabur, Pulau Banggi berjaya dilaksanakan.

Ketua Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar (UPPLB), Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Dr Khalid Johari, berkata program disertai 36 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah UMS, pelajar UMS dan sukarelawan menjadi kumpulan pelaksana bagi program retreat yang julung kalinya diadakan di Pulau Banggi.

Katanya, Program turut disertai Persatuan Warga Prihatin (SUEC) dan Persatuan Wartawan Keningau (KJA) Sabah.

"Program seumpama ini telah diadakan sejak beberapa tahun lalu bertujuan membantu meningkatkan keyakinan diri, minat pelajar serta komitmen masyarakat setempat akan kepentingan masa depan dan perubahan masyarakat melalui kejayaan dalam pendidikan," katanya selepas Program Perkongsian Retreat di Kg. Sabur baru-baru ini.

Lebih 500 masyarakat daripada 6 kampung Sabur, Selangan, Tambising, Tibogo, Laksian dan Palak menyertai pelbagai aktiviti 3 hari itu antaranya sesi seminar motivasi pendidikan, ceramah kerjaya serta persembahan kebudayaan, sukan rakyat dan pertandingan masakan tradisi.

Dalam pada itu, seramai 175 orang pelajar tahap 2 dari Sekolah Rendah Laksian, SK Palak dan SK Sabur menyertai sesi bengkel mata pelajaran kritikal, Sains, Matematik, dan Bahasa Inggeris.

Sempena majlis itu, penduduk kampung

kurang berkemampuan menerima sumbangan pakaian terpakai yang disumbangkan orang ramai dari seluruh negeri sebagai tanda keprihatinan meringankan beban golongan kurang bernasib baik.

Sementara itu, berucap di majlis perasmian penutupan program Retreat Sabur Pegawai Pendidikan Daerah Kudat, Sharif Azad Sharif Attar, berkata usaha murni UMS dan Siswa serta Siswi yang menjadi pelaksana program memberi impak positif terhadap minda masyarakat dalam memberi kesedaran kepentingan pendidikan anak-anak.

"Kita yakin peranan UMS dalam memacu kecemerlangan pendidikan, khususnya di negeri ini akan menjadi kenyataan apabila semakin ramai pelajar berminat dan berusaha untuk mencapai sasaran bagi peluang melanjutkan pelajaran diperingkat Universiti, ini amat membanggakan kita, tambahan lagi apabila UMS sendiri turun dengan program yang sangat berfaedah untuk disertai masyarakat setempat," katanya.

Katanya, tugas mendidik anak bangsa adalah tanggungjawab yang perlu dipikul bersama bagi memacu lebih pantas pembangunan pendidikan di Sabah, khususnya di sekolah-sekolah pedalaman.

"Saya berharap dan menyarankan agar program seumpama ini dikembangkan ke sekolah-sekolah lain dalam Pulau Banggi yang tidak berkesempatan menyertainya," katanya.

Hadir sama Guru Besar SK Sabur, Tuie Randa, Pegawai Pendidikan Daerah Kudat Azlan Raymond Majumah dan pemimpin masyarakat setempat. - OLEH MARUTIN ANSIUN (marutin@newsabahtimes.com.my)



**KENANGAN ...** Sebahagian pensyarah dan siswa UMS dan pelajar bergambar kenangan di Kampung Sabur.



**MODUL SAINS ...** Motivasi Pendidikan modul sains.



**MODUL MATEMATIK ...** Motivasi Pendidikan modul matematik.



**BERTOLAK ...** Rombongan UMS bertolak dengan kapal laut dari Karakit ke Sabur.